



**CEMERLANG... (dari kiri) Roskamaazlira, Nurul Saidah dan Fatimah.**

## Rahsia untuk cemerlang

**S**ERDANG: Sikap mengesahkan pengambilan minuman berkarbonat dan makanan ringan dalam kuantiti paling minimum menjadi rahsia kecemerlangan Fatimah Mustapai, 22, hingga memperoleh Anugerah Graduan Cemerlang Keseluruhan Peringkat Diploma pada majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) - Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) ke-11 di sini, semalam.

Fatimah memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.8 sepanjang mengikuti pengajian Diploma Sains Komputer dari Kolej Teknologi Bestari, Setiu, Terengganu.

Selain menjaga pemakanan, anak kelima daripada enam beradik itu sentiasa mengamal dan menunjukkan rasa hor-

mat yang tinggi kepada ibu serta tenaga pengajar.

"Selain itu saya amalkan memakan kismis dan makanan berkhasiat lain. Saya juga sentiasa berdoa setiap kali lepas solat memohon kepada Allah untuk memudahkan pembelajaran serta hormati orang tua terutama ibu, guru dan penyarah supaya lebih diberkati," katanya yang ditemani ibu, Zaiwariah Ali, 52, ketika ditemui, semalam.

Majlis terbabit turut menyaksikan Nurul Saidah Ibrahim, 25, yang belajar di kolej sama menerima Anugerah Graduan Cemerlang Peringkat Bachelo sementara Roskamaazlira Jusoh, 28, graduan Kolej Shahputra, Kuantan, memperoleh Anugerah Graduan Cemerlang Akademik Peringkat Diploma.